


MANHAJ TAKHRIJ DAN APLIKASINYA KEPADA KITAB MINHĀJ AL-TALIBIN: SATU TINJAUAN

Ahmad Fauwaz Fadzil¹
Noor Naemah Abdul Rahman²
Muhammad Ikhlas Rosele³



ABSTRAK

Ilmu takhrij merupakan antara ilmu yang penting dalam pengajian usul fiqh. Ilmu ini merupakan salah satu metod untuk mengeluarkan hukum bagi sesuatu masalah. Namun pendedahan ilmu takhrij ini didapati kurang diketengahkan khususnya di Malaysia. Oleh itu, kajian ini akan menjelaskan konsep ilmu atau manhaj takhrij dan kedudukannya dalam perbendaharaan fiqh. Selain itu, kajian ini akan menjelaskan bagaimana manhaj takhrij ini boleh diaplikasikan berasaskan kitab Minhaj al-Talibin. Kajian ini jelas mendapati kepentingan ilmu takhrij khususnya dalam pengeluaran hukum dan fatwa. Ia perlu difahami dan dipraktikkan oleh setiap penyelidik hukum Islam bagi memastikan isu-isu dan persoalan semasa dapat diselesaikan dengan baik.

Kata kunci: takhrij, manhaj, Minhaj al-Talibin, fatwa, hukum Islam.

ABSTRACT

Science of takhrij is a very important discipline in usul al-fiqh studies. It is a method used in deducing verdict to solve particular

¹ Pelajar Pascasarjana (MA), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur (fa_mannah@yahoo.com)

² Profesor Madya (Ph.D), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur (naemah@um.edu.my)

³ Felo SLAI (Ph.D), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur (ikhlas@um.edu.my)

problem. However, this discipline seems to caught less attention among scholars especially in Malaysia. Therefore this study will explain the knowledge concept or takhrij methodology and its position within the fiqh knowledge. In addition, this study will illustrate the application of the takhrij methodology based on Minhaj al-Talibin book. Research found that there is paramount importance of science of takhrij especially in extracting verdict and fatwa. This discipline should be mastered and applied by Islamic verdict researcher in order to address appropriately the current issues.

Keywords: takhrij, manhaj, Minhaj al-Talibin, fatwa, Islamic verdict

PENDAHULUAN

Perbincangan ilmu *takhrij* adalah antara cabang daripada perbincangan ilmu usul fiqh yang penting sehingga diambil berat oleh para ulama, pengkaji, penuntut ilmu serta ahli fatwa. Ini kerana untuk menghasilkan mujtahid mutlak seperti imam-imam mazhab terdahulu agak sukar walaupun tidak mustahil. Maka untuk menyambung kesinambungan hukum pada setiap masa dan tempat, lahir ilmu *takhrij* agar para ulama pada setiap zaman dapat menjawab setiap persoalan semasa yang timbul.

Ilmu *takhrij* yang mula ditulis oleh Imam al-Zanzajani (٦٥٣H) di dalam kitabnya *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* telah membuktikan bahawa pengeluaran hukum fiqh tidak boleh berlaku melainkan dibina berasaskan kaedah-kaedah usul (*al-Qawa'id al-Usuliyah*). Berpegang dengan kepentingan ilmu ini menyebabkan ilmu *takhrij* menjadi perbincangan yang masih dititik beratkan ulama sehingga ke hari ini. Antara ulama semasa yang membincangkan ilmu ini dalam satu perbincangan yang khusus adalah Waliyuddin al Farfur (2003) dan Ya'qub al-Bahusain (1414H) di dalam kitabnya *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*.

Wujud sedikit perbezaan dari sudut pendekatan mengenai penulisan ilmu *takhrij* yang ditulis oleh ulama silam dengan ulama sekarang. Ulama silam tidak mengemukakan definisi ilmu *takhrij* dengan jelas, mereka cukup membincangkan ilmu ini secara objektif kepada kes-kes (isu-isu) yang berlaku. Manakala ulama-ulama semasa mereka telah memberikan definisi ilmu *takhrij* di dalam penulisan mereka serta membahaskan secara terperinci. Takrifan yang diberikan membolehkan pengkaji dan pembaca memahami konsep, skop perbincangan dan ruang lingkup ilmu *takhrij* secara lebih ditil dan jelas.

Berasaskan pengamatan awal khususnya di Malaysia, ilmu *takhrij* kurang diberi perhatian khusus sama ada dalam bentuk pembelajaran atau dalam bentuk latihan. Hal ini menyebabkan para pelajar dan sebahagian golongan yang sering menjawab hukum hakam tidak mampu mengikat atau dalam erti kata lain menguatkan setiap hukum yang dikeluarkan dengan kaedah usul, sedangkan Imam al-Qarafi (1994) telah memberi penekanan dengan menyatakan;

كل فقه لا يخرج على القواعد فليس بشيء
 Yang bermaksud: Setiap *fiqh* yang tidak
 ditakhrij berasaskan kaedah usul maka ia
 bukanlah *fiqh* sebenarnya

Pada asasnya didapati buku-buku atau kajian-kajian berkenaan ilmu *takhrij* di universiti tempatan amat kurang sekali terutamanya yang dikarang di dalam Bahasa Melayu. Begitu juga dengan masalah kurangnya pendedahan kepada pelaksanaan ilmu *takhrij* terhadap teks-teks mazhab *fiqh* untuk membiasakan diri dengan pengamalan konsep *takhrij*. Kajian mengenai *takhrij* yang biasa dilakukan di Malaysia adalah berkait dengan bidang hadis, iaitu untuk mengenalpasti kedudukan dan status sesebuah hadis. Kajian-kajian tersebut antaranya yang dilakukan oleh Faisal dan Jawiah (2009), Abdulfatah (2012), Faisal, Fauzi dan Ishak (2011), Mohd Nor Adzhar (2014) & Mohd Khairul Nizam (2010).

Oleh itu, jelas bahawa penekanan kepada ilmu *takhrij* dalam bidang usul *fiqh* kurang mendapat perhatian. Lantaran itu, kajian ini dilakukan bagi mengemukakan konsep *takhrij* dan aplikasinya dalam perbahasan *fiqh*. Dengan kajian yang dibuat ini, mampu memberi pencerahan kepada mereka yang sukar untuk memahami pengertian *takhrij* dan mampu melatih golongan tertentu (seperti ahli fatwa dan penyelidik) mahir dalam melakukan *takhrij* bagi menyambung legasi para ulama fatwa.

Fokus utama kajian ini adalah untuk memahami hakikat sebenar ilmu *takhrij* kerana terdapat kekeliruan dalam kalangan golongan yang menganggap *takhrij* hanya berlaku pada hadis. Selain itu, kajian di dalam artikel ini cuba mendedahkan kepentingan dan ilmu ini kepada ahli ilmu dan penyelidik di dalam mengeluarkan hukum atau fatwa.

Oleh itu artikel ini akan menjelaskan konsep *al-takhrij* dan melihat aplikasinya di dalam kitab *Minhaj al-Talibin* karya imam al-Nawawi.

KONSEP ILMU AL-TAKHRIJ

Untuk memahami ilmu *al-takhrij*, adalah sewajarnya difahami maknanya dari sudut bahasa atau etimologi. Dalam Bahasa Arab *takhrij* berasal dari perkataan (*kalimah*) *kha-ra-ja* yang mempunyai dua maksud iaitu keluar dari sesuatu dan perbezaan antara dua makna. Namun, maksud yang pertama adalah lebih dekat dan sesuai dalam perbahasan kajian ini. Hal ini kerana, dalam perbahasan fiqh, sesuatu *furu'* (perkara cabang) yang berlaku adalah keluar (datang) daripada usulnya (asal). Manakala dari aspek istilah atau terminologi, didapati *takhrij* mempunyai beberapa pengertian berasaskan kecenderungan golongan ilmuan Islam. Menurut ulama hadis *takhrij* didefinisikan sebagai (al-Qasimi, 2004);

Seorang penulis menyebut hadis berserta sanadnya kepada kitab kitab sumber hadis

Namun definisi ini tidak mempunyai kaitan dengan perbahasan tajuk yang dikaji, kerana *takhrij* yang dibincangkan di sini adalah yang berkaitan dengan kaedah-kaedah yang boleh mengeluarkan hukum. Adapun definisi ahli hadis hanya berkaitan dengan kepastian sandaran hadis kepada sumber asalnya.

Ulama usul pula mempunyai takrifan *takhrij* yang berbeza, mereka memberi definisi *takhrij* sebagai (al-Bahusain, 1414H);

Takhrij adalah proses mengembalikan permasalahan furu' fihiyyah kepada kaedah-kaedah usul

Definisi ini dapat dilihat pada perbahasaan kitab-kitab *turath* terdahulu seperti kitab *al-Tamhid fi Takhrij al-Furu'* 'ala al-Usul oleh al-Isnawi (1981), di mana dalam muqadimah kitab beliau menyebutkan;

Aku telah sediakan di dalam kitab ini (al Tamhid) jalan pentakhrijan bagi setiap yang bermazhab,

dan aku bukakan pintu mentafri' hukum bagi setiap orang yang mencari, maka hendaklah setiap bermazhab menghadirkan kaedah-kaedah usul dan cabang-cabang fiqhnya.

Faisol bin Said al-Tilyalani (2014) pula mendefinisikan *takhrij* sebagai;

Ilmu yang memberi pengetahuan kepada cara penggunaan kaedah usul di dalam mengistinbatkan hukum-hukum syarak yang bersifat praktikal daripada dalilnya yang bersifat tafsiliiyy.

Ulama semasa juga telah memberikan definisi *takhrij*, antaranya adalah seperti Sheikh Abdullah bin Bayyah (2007) yang menjelaskan;

Meletakkan hukum syarak pada satu masalah baru berdasarkan kepada hukum yang telah dinyatakan oleh mujtahid kerana terdapat persamaan 'illah.

Daripada perbincangan yang dikemukakan mengenai definisi atau pentakrifan *takhrij*, kajian cuba memberi kesimpulan dan mengemukakan takrif yang menjadi pilihan khusus bagi kajian ini. Rumusannya definisi ilmu *takhrij* adalah;

Pengetahuan terhadap kaedah-kaedah syarak dan 'illah daripada nas seorang mujtahid untuk mengeluarkan hukum syarak.

Pembahagian al Takhrij

Daripada pemerhatian pengkaji, didapati *takhrij* mempunyai dua bahagian, iaitu;

Pertama: *Takhrij* masalah *furu'* ke atas kaedah usul. *Takhrij* ini adalah peringkat tertinggi *takhrij* kerana prosesnya melalui kaedah-kaedah usul secara langsung oleh seorang alim atau pakar *mukharrij* (dalam bidang *takhrij*). Contohnya melakukan *takhrij* daripada kaedah *al-ibahah asliyyah* kepada masalah-masalah baru dengan syarat-syarat yang diletakkan oleh ulama usul. Syarat-syarat tersebut adalah;

- 1) Melihat kepada kaedah usul atau dalil *ijmali* (umum) bagi seorang imam(mujtahid)
- 2) Melihat kepada dalil *tafsili* (terperinci) bagi kaedah usul yang digunakan oleh mujtahid.
- 3) Melihat kepada kesahihan pengtakhrijan *furu'* fiqh berdasarkan kaedah usul.
- 4) Melihat kepada kesahihan penisbahan *furu'* yang ditakhrijkan berdasarkan usul tersebut.

Pentakhrijan yang kedua: Pentakhrijan yang kedua adalah bahagian yang banyak dilakukan oleh kebanyakan ulama semasa. *Takhrij* yang dimaksudkan di sini adalah; mengeluarkan hukum pada masalah-masalah *furu'* berdasarkan hukum yang telah diistinbatkan oleh mujtahid kerana terdapat persamaan '*illah*' antara masalah baru dan masalah lama.

Permasalahan ini dinamakan dalam ilmu usul fiqh sebagai *qiyas al-furu' 'ala al-furu'*. Tindakan ini hakikatnya menjadi pertikaian dalam kalangan ulama usul (Ibn Najjar, t.th). Majoriti ulama usul berpandangan bahawa tidak boleh berlaku *qiyas furu'* ke atas *furu'*. Hal ini kerana *furu'* bukanlah *al-maqis 'alaih* yang boleh dijadikan *al-asl* (asas yang menjadi sandaran *qiyas*) di dalam *qiyas* kerana *furu'* bukan dalil.

Perbezaan di Antara *Takhrij* Kaedah Usul dan *Takhrij* Kaedah Fiqh

Takhrij bukan sahaja berlaku dalam kaedah usul bahkan juga berlaku dalam kaedah fiqh (*al-qawa'id al-fiqhiyyah*). Untuk mengetahui perbezaan di antara pengertian *takhrij* dua kaedah tersebut, perlu dilihat kepada makna dan ciri ciri khusus kedua-dua kaedah tersebut. Kaedah usul merupakan kaedah yang bersifat umum yang tidak terikat dengan dalil-dalil khusus, hanya bersandarkan kepada perbincangan bahasa Arab dan masalah *aqliyah*. Manakala kaedah fiqh pula merupakan kaedah *aghlabiyyah* yang mempunyai banyak masalah *furu'* di bawah kaedah tersebut. Kaedah fiqh terhasil daripada cabang-cabang fiqh yang menghasilkan kaedah *aghlabiyyah* berdasarkan metod induksi.

Berdasarkan perbezaan yang diberikan, dapat dirumuskan bahawa perbezaan di antara *takhrij* kaedah usul dengan kaedah fiqh seperti berikut:

- 1) *Takhrij* ke atas kaedah usul ini terbuka kepada semua yang mempunyai mazhab dan ia adalah peringkat

asas.

- 2) *Takhrij* daripada kaedah fiqh lebih rendah kedudukannya daripada *takhrij* daripada kaedah usul kerana penghujahan dengan kaedah fiqh adalah masalah khilaf di antara ulama.

Rukun dan Syarat *al Takhrij*

Untuk menjelaskan perbincangan ini, adalah perlu untuk diuraikan definisi rukun dan syarat terlebih dahulu. Ulama usul mendefinisikan rukun sebagai “hakikat sesuatu perkara”. Terdapat ulama lain mendefinisikan rukun sebagai “sesuatu benda yang membentuk unsur” (al-Qawasimi, 2003). Maka dapat disimpulkan bahawa rukun ini adalah mekanisme utama di dalam membentuk sesuatu perkara, tanpa rukun, sesuatu perkara tidak akan terhasil. Contohnya, sujud merupakan salah satu rukun solat, tanpa sujud dilaksanakan bermakna solat tidak sah dan tidak wujud pada hakikatnya.

Untuk melaksanakan praktis *takhrij* yang sebenar dan tepat, adalah menjadi keperluan untuk memenuhi rukun-rukun *takhrij* yang digariskan oleh ulama usul sehingga proses pengeluaran hukum dapat dilaksanakan dengan betul. Rukun-rukun yang diletakkan oleh ulama usul berkenaan praktis *takhrij* adalah seperti berikut (al-Farfur, 2003):

- i. *Al-Mukharrij* : Pelaku *takhrij*
- ii. *Al-Asl al-Mukarraj ‘alaih*: Asas yang dihubungkan dengan masalah *furu’*
- iii. *Al-Far’ al-Mukharraj a’la al-Asl*: Isu baharu yang berhubung dengan isu asal
- iv. *Kaifiyyah al-Takhrij*: Kaedah melakukan *al-takhrij*

KEDUDUKAN TAKHRIJ DALAM QIYAS, LAZIM AL-MAZHAB, DABIT AL-FIQH DAN FATWA

Selepas mengetahui konsep *takhrij* adalah lebih wajar dijelaskan kedudukan *takhrij* dalam konteks yang pelbagai. Berdasarkan pemerhatian terhadap fatwa-fatwa semasa dan perbincangan semasa, kebanyakan ulama semasa melakukan amalan *takhrij*, mereka banyak menggunakan pendekatan *takhrij* yang berbentuk qiyas, yang praktikalnya adalah berhajat kepada 4 rukun qiyas⁴ (al Farfur, 2003).

Pembahagian ini pada hakikatnya mempunyai

4 Iaitu; 1) *al-asl*, 2) *al-far’*, 3) *al-‘illah* dan 4) *al-hukm*.

sandaran daripada kata-kata *al-Ghazali* (t.th.) di dalam kitabnya *al-Mustasfa*. Beliau berkata:

Seseorang mujtahid itu boleh melakukan ijtihad qiyas dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan ruang qiyas sahaja

Maka dapat difahami bahawa nas seorang seorang mujtahid seolah-olah nas bagi mereka yang tidak mencapai ijtihad mutlak. Maka seseorang yang menguasai ilmu qiyas dia boleh melakukan praktis *takhrij* ke atas nas mujtahid dengan syarat memenuhi rukun qiyas. Hal ini jelas, seperti yang dinyatakan oleh Sheikh Hasan Dadu⁵ bahawa fatwa pada zaman ini berlaku dalam dua bentuk iaitu *takhrij furu'* daripada usul dan *furu'* daripada *furu'* yang boleh diistilahkan sebagai *takhrij* yang berbentuk qiyas.

Selain itu, antara perkara yang menjadi pendebatan dalam kalangan ulama usul fiqh adalah melakukan *takhrij* ke atas *lazim al-mazhab*. Sebelum menjawab persoalan ini perlu dahulu menjelaskan pengertian *lazim al-mazhab*. *Lazim al-mazhab* atau *muqtada al mazhab* merupakan sesuatu yang melazimi hasil ijtihad imam mujtahid. Ini bermaksud pendapat fiqh yang dikeluarkan bukan secara langsung daripada imam mazhab tetapi ia adalah pendapat fiqh yang dikeluarkan oleh seorang ulama mazhab berdasarkan tuntutan kata-kata imam yang yang bersifat nas. Maka pendapat yang dikeluarkan itu dinamakan *lazim al-mazhab* kerana ia bukan diambil daripada nas yang hakiki sebaliknya daripada tuntutan nas tersebut. Contohnya seorang ulama menyatakan.

Tidak wajib merawat sekiranya tidak diyakini ubat itu memberi manfaat

Maka secara *lazim al-mazhabnya* apabila wujud keyakinan bahawa ubat itu memberi manfaat (menyembuhkan) maka hukum merawat atau berubat adalah wajib.

Lazim al-mazhab adalah istilah yang wujud di dalam buku-buku usul fiqh yang secara umumnya bukanlah sesuatu nas yang datang daripada seorang mujtahid. Tetapi adalah sesuatu nas keberangkalan yang seseorang mujtahid

⁵ Temubual yang dibuat berkenaan dengan cerita Sheikh al Qaradawi di dalam youtube.

akan berkata sedemikian sekiranya masalah yang berlaku wujud pada zamannya nescaya mujtahid tersebut menjawab sedemikian.

Di dalam permasalahan pengtakhrijan ke atas *lazim al mazhab*, didapati para ulama berselisih pendapat kepada dua pendapat. **Pendapat pertama**, mereka menyatakan bahawa tidak boleh melakukan *takhrij* daripada *lazim al-mazhab*. Mereka beralasan bahawa konsep *lazim al-mazhab* ini tidak jelas penisbahan pendapat kepada imam mazhab. Kemungkinan sekiranya dia hidup dia tidak berpendapat sedemikian (al-Farfur, 2003). Manakala **pendapat kedua**, mereka berpandangan bahawa boleh melakukan *takhrij* ke atas *lazim al-mazhab*. Mereka beralasan dengan menyatakan bahawa sesuatu hukum yang dikeluarkan oleh seseorang imam mujtahid bersifat *muttaridah* (selari) yang tidak membawa kepada percanggahan maka penisbahan kepada imam mujtahid adalah harus (al-Farfur, 2003).

Justeru, bukanlah suatu kesalahan untuk melakukan *takhrij* daripada *lazim al-mazhab*, namun dengan syarat *lazim* tersebut bersifat tetap dan tidak mempunyai andaian-andaian (al-Bahusain, 1414H) yang membolehkan imam mujtahid akan berubah pandangan sekiranya dia hidup dan berhadapan dengan kes tersebut.

Pengharusan ini berasaskan tanggapan bahawa *takhrij* daripada *lazim mazhab* sebahagian daripada *ijtihad* walaupun orang yang melakukan *takhrij* ini tidaklah mencapai tahap mujtahid mutlak, tetapi dia telah melaksanakan syarat-syarat untuk berijtihad. Cuma perbezaannya *ijtihad mutlak* dilakukan oleh mujtahid mutlak yang mampu membina kaedah sendiri, manakala individu yang melakukan *takhrij* hanya melakukan aplikasi terhadap kaedah yang sedia ada berasaskan kepada kefahaman yang jelas terhadap usul imam mujtahid.

Di antara perkara lain yang perlu diutarakan dalam permasalahan *takhrij* adalah melakukan *takhrij furu'* daripada *dabit fihi*. Ini kerana terdapat sedikit perbezaan di antara kaedah dan *dabit* seperti yang disebut di dalam ilmu mantik sebagai hubungan *al-umum wa al-khusus al-mutlak* (al-Habannakah, 2011)⁶. *Dabit fihi* bermaksud

⁶ *Al-umum wa al-khusus al-mutlak* adalah nisbah sesuatu yang umum dengan sesuatu yang khusus, di mana yang khusus ini wujud di bawah umum tetapi tidak semua umum di bawahnya terdapat perkara khusus tersebut.

kaedah kecil yang mengandungi masalah fiqh di dalam bab tertentu sahaja. *Dabit* berbeza daripada kaedah kerana kaedah mengandungi masalah fiqh daripada pelbagai bab atau daripada satu bab. Sebagai contoh, kaedah *al-umur bi maqasidiha*, kaedah ini menghimpunkan banyak masalah fiqh daripada pelbagai bab seperti wajib niat ketika hendak berwuduk, ketika menunaikan solat dan seterusnya.

Berbeza dengan *dabit* yang hanya berlaku di dalam satu bab saja di dalam fiqh contohnya kata-kata Imam al Nawawi (2004) di dalam *al-Minhaj*, pada bab *al-taharah*:

كل جامد طاهر قالع غير محترم
 Maksudnya: Semua benda yang kering,
 bersih, membuang, tidak dimuliakan

Kaedah atau prinsip ini dinamakan *dabit*, kerana ia membabitkan syarat yang diletakkan pada benda yang boleh dijadikan alat intinjak sahaja tidak membabitkan isu dan bab lain. Maka dengan menggunakan *dabit* ini boleh meliputi benda yang bukan daripada jenis batu tetapi mempunyai sifat-sifat⁷ seperti batu contohnya tisu yang mempunyai sifat yang disebutkan iaitu:

- 1) Sesuatu yang kering.
- 2) Sesuatu yang boleh membuang.
- 3) Sesuatu yang bersih.
- 4) Sesuatu yang tidak dimuliakan.

Maka dengan itu, sekiranya menguasai *dabit* fiqh ini, seseorang mampu untuk melakukan *takhrij* permasalahan-permasalahan yang berkaitan dengan bab tertentu dengan berpandukan kepada kaedah dan prinsip *takhrij* yang telah dikemukakan.

Antara isu penting dalam membahaskan kedudukan *takhrij* adalah bolehkan berfatwa menggunakannya. Sememangnya menjadi perbincangan dalam kalangan ulama adakah boleh berfatwa dengan pendapat fiqh yang dihasilkan daripada *takhrij* sama ada:

- 1) *Takhrij furu'* daripada usul, mahupun
- 2) *Takhrij furu'* daripada *furu'*

Berdasarkan pemerhatian dan penelitian kepada fakta dan sejarah fiqh dan fatwa, di dapati bahawa pendapat yang menyatakan

⁷ Di dalam ilmu usul, sifat-sifat yang banyak ini dinamakan sebagai *illah murakkabah*.

harus mengeluarkan fatwa daripada hasil *takhrij* adalah pendapat yang kuat. Ini kerana sekiranya tidak diharuskan berfatwa dengan *takhrij* maka akan berlaku krisis tidak wujud hukum syarak pada setiap kes yang berlaku. Hal ini ditegaskan oleh al-Suyuti di dalam kitabnya *al-asybah wa al-naza'ir*, ketika menyebut faedah ilmu kaedah fiqh, beliau menyebut (al-Suyuti, 2006):

اعلم فن الأشباه والنظائر فن عظيم . به يطلع على حقائق الفقه ومداركه، وما أخذه وأسراره. ويتمهر في فهمه واستحضاره ويقندر على الإلحاق والتخريج ومعرفة أحكام المسائل التي ليست بمسطورة والحوادث التي لا تنقضي على ممر الزمان

Terjemahan: Ketahuilah bahawa ilmu al-asybah wa al-naza'ir adalah seni yang agung. Dengan ilmu ini mampu mengenal hakikat dan sumber fiqh, dalil dalil dan rahsia-rahsia fiqh. Dengan ilmu ini mampu melakukan ilhaq (qias) dan takhrij. Dengan ilmu ini juga dapat mengetahui hukum-hukum pada kes kes yang tidak wujud di dalam kitab, dapat diketahui hukum hukum pada kejadian-kejadian yang tidak pernah berkesudahan”

Kenyataan Imam al-Suyuti ini memperkuat lagi pentarjihan yang mengharuskan berfatwa dengan penggunaan *takhrij*. Berdasarkan kenyataan beliau yang membenarkan melakukan *takhrij* kepada masalah baru telah memberi isyarat yang jelas kepada bolehnya berfatwa bersandarkan *takhrij*.

CONTOH-CONTOH PRAKTIKAL TAKHRIJ BERDASARKAN BUKU MINHAJ AL TALIBIN

Kitab *Minhaj al-Talibin* adalah kitab karangan yang ditulis oleh Imam al-Nawawi sebagai satu kitab rujukan ilmu dan fatwa. Kitab ini merupakan kitab ringkasan daripada kitab *al-Muharrar* yang dikarang oleh Imam al-Rafi'i. Kelebihan kitab *al Minhaj* ini adalah telah membersihkan mazhab al-Syafi'i daripada pendapat dan dalil-dalil yang lemah sehingga kitab ini menjadi rujukan utama di dalam mazhab al Syafi'i (al-Nawawi, 2004; Ahmad bin Lu'lu', 2012).

Pemilihan kitab *Minhaj al-Talibin* yang dikarang oleh Imam Yahya bin Syaraf al-Nawawi bagi kajian ini

adalah didasari oleh beberapa faktor, iaitu:

- 1) Pandangan Imam al-Nawawi dianggap sebagai pandangan mu'tamad di dalam mazhab al-Syafi'i.
- 2) Kitab ini merupakan kitab yang lengkap di dalam membahaskan semua isu fiqh daripada bab bersuci hingga bab hamba sahaya yang menjadikan ia sebagai kitab sesuai untuk dipelajari.
- 3) Kitab ini merupakan asas fatwa di dalam mazhab al-Syafi'i walaupun terdapat dua kitab imam al-Nawawi yang terkemudian daripada *al-Minhaj* iaitu kitab *al-Majmu'* dan *al Tahqiq*. Namun, kedua-dua kitab ini tidak disempurnakan oleh beliau kerana beliau meninggal dunia sebelum sempat menyempurnakan kedua-dua kitab tersebut.
- 4) Untuk menunjukkan kepada golongan ilmuan bahawa dengan mendalami kitab yang bernilai ini dengan menguasai ilmu *al-takhrij*, mereka mampu untuk melakukan ijtihad *takhrij* dalam isu-isu yang tidak terdapat di dalam kitab secara khusus.

Disiplin ilmu *takhrij* pada dasarnya menjadi kurang berkesan dengan hanya mempelajarinya sahaja. Penguasaan dan kemahirannya memerlukan latihan dan contoh yang bersesuaian⁸. Lantaran itu, kajian ini mengemukakan beberapa contoh praktik *takhrij* kepada kitab fiqh (*Minhaj al-Talibin*).

Di dalam kitab kitab fiqh, kebanyakan penulis memulakan karangan mereka dengan bab ibadat. Di mana bab ibadat ini mempunyai lima bahagian iaitu; bersuci (*al-taharah*), solat, zakat, puasa dan haji. Namun kajian ini akan mengemukakan contoh praktik *takhrij* dalam beberapa isu atau bab terpilih sahaja, iaitu; bersuci, zakat, kewajipan amil mudarabah mengeluarkan zakat dan jual beli.

Bersuci

Di dalam bab *al-istinjak*, Imam al-Nawawi (2004) telah menyatakan ayat berkenaan dengan adab masuk kedalam bilik air iaitu;

وَلَا يَحْمِلُ ذِكْرَ اللَّهِ تَعَالَى

Terjemahan: Tidak boleh membawa (masuk ke bilik istinjak) benda-benda yang ada zikir

⁸ Mahir di dalam bahasa arab disebut sebagai *al-maharah* yang bererti pakar dan berkemahiran

Allah Taala.

Dabit ini merupakan parameter umum yang berkaitan dengan adab istinjak sahaja yang boleh diaplikasikan kepada semua benda yang mempunyai *zikruLlah* seperti buku, baju yang tidak boleh dibawa masuk bersama ketika beristinjak. Daripada kenyataan tersebut proses *takhrij* akan dilakukan dengan mengenalpasti kaedah umum, *furu'* dan natijah yang bakal terhasil seperti berikut;

Kaedah umum (<i>al-Asl</i>)	:	Larangan membawa masuk benda-benda yang ada zikrullah.
<i>Furu'</i> kecil (<i>al-Mukharraj</i>)	:	Buku yang ada nama-nama Allah
Natijah (<i>al-Hukm</i>)	:	Larangan membawa buku-buku yang ada nama-nama Allah Taala.

Kaedah yang dibawa ini membolehkan seseorang yang mahir melakukan *takhrij* mengeluarkan hukum yang baru yang tidak kedapatan di dalam kitab silam apabila '*illah* di antara kes yang baru dengan kes yang di dalam kitab itu sama.

Zakat

Terdapat masalah zakat yang dikenakan dalam bentuk perkongsian yang memberi ruang untuk dilakukan *takhrij* pada masalah semasa. Imam al-Nawawi (2004) menyebut di dalam perbincangan zakat pada binatang-binatang yang sama jenis.

ولو اشترك أهل الزكاة في ماشية زكيا كرجل
 Maksudnya: Sekiranya ahli-ahli zakat berkongsi pada satu jenis binatang kesemuanya wajib mengeluarkan zakat seperti seorang yang wajib mengeluarkan zakat.

Kalau diperhatikan masalah ini, masalah ini boleh dijadikan sebagai asas kepada pengeluaran zakat ke atas syarikat-syarikat yang berkongsi saham atau harta apabila dikumpulkan kesemua pemilik syarikat dan cukup nisab

harta. Gambaran *takhrij* yang dilakukan adalah seperti berikut;

<i>Al-Asl</i>	:	Perkongsian di dalam binatang ternakan sama jenis
<i>Al-Mukharraj</i>	:	Perkongsian di dalam memiliki saham syarikat
<i>Al-Illah</i>	:	Harta zakat
<i>Al-Hukm</i>	:	Kewajipan mengeluarkan zakat daripada hasil perkongsian

Kewajipan amil mudarabah mengeluarkan zakat

Mengenai zakat amil mudarabah, di dalam kitab *al-Minhaj*, Imam al Nawawi (2004) menyatakan bahawa;

والمذهب أنه يلزم العامل زكاة حصته
 Maksudnya: Pendapat yang difatwakan dalam mazhab adalah zakat terhadap bahagian keuntungan mudarabah dikenakan ke atas amil.

Di dalam masalah ini, boleh juga diaplikasikan ke atas pihak yang melaksanakan perniagaan dalam bentuk mudarabah. Ini kerana dalam realiti hari ini pihak bank juga dilihat menjadi amil kepada pelanggannya yang membuat pelaburan kepadanya. Oleh itu, zakat tetap diwajibkan atas bahagian keuntungan bank. Contoh *takhrij* adalah seperti berikut;

<i>Al-Asl</i>	:	‘Amil mudarabah wajib zakat
<i>Al - Mukharraj</i>	:	Bank yang menjalankan aktiviti pelaburan dalam masa yang sama bertindak sebagai amil bagi pelanggannya
<i>Al-‘Illah</i>	:	Kekayaan / subur
<i>Al-Hukm</i>	:	Bank wajib mengeluarkan zakat atas keuntungan pelaburannya

Jual beli (*al-Bay’*)

Di dalam kitab *al-Minhaj*, Imam al Nawawi juga membicarakan mengenai perbincangan jual beli. Maka

dibawakan satu isu yang boleh dilakukan *takhrij* pada pandangan pengkaji iatu masalah *al tasriyah*. Imam al Nawawi menyebut mengenai permasalahan ini sebagaimana berikut;

التصرية حرام تثبت الخيار على الفو
Maksudnya; tasriyah itu adalah haram dan thabit al-khiyar

Sebelum menjelaskan lebih lanjut, adalah sewajarnya dijelaskan dengan ringkas apakah yang dimaksudkan dengan *al-tasriyah*. Di dalam pengertian *al tasriah* Imam al-Ghamrawi (t.t.) telah menghuraikan pengertian *al-tasriyah* dengan berkata;

Al-Tasriyah bermaksud seorang penjual meninggalkan pemerahan susu (haiwan seperti lembu) beberapa waktu sebelum dijual susu itu untuk mengaburi (orang atau pelanggan) bahawa susu haiwan itu banyak

Bagi pandangan pengkaji masalah ini dasar kepada setiap testimoni yang melampau untuk menunjukkan barang itu bagus tetapi pada hakikatnya barang itu adalah tidak sebgus yang disangka. Maka hukum bagi kes tersebut adalah haram dan thabit *khiyar* iaitu pilihan untuk mengembalikan barang balik atau memilikinya dengan tindakan yang segera. Ertinya pelanggan itu tidak boleh menanggung proses pengembalian. Gambaran *takhrij* bagi kes tersebut adalah seperti berikut;

<i>Al-Aslu</i>	:	Al-Tasriyah
<i>Al-Far'u</i>	:	Promosi berlebihan
<i>Al-'Illah</i>	:	Berlaku niat mengkaburi pembeli
<i>Al-Hukm</i>	:	Thabit <i>khiyar</i>

KESIMPULAN

Pada penutup perbincangan kajian ini dapat disimpulkan beberapa perkara yang penting, antaranya; pertama, ilmu *takhrij* merupakan cabang daripada ilmu usul. *Takhrij* terbahagi kepada dua pembahagian iaitu; *pentakhrijan furu'* daripada kaedah-kaedah usul dan *pentakhrijan furu'* daripada

furu'. Kedua, harus melakukan *takhrij* ke atas *lazimul mazhab* sekiranya lazim itu bersifat pasti. Ketiga, harus mengeluarkan fatwa berasaskan *takhrij*. Keempat, kitab *Minhaj al Talibin* adalah kitab yang sesuai untuk dijadikan sebagai kitab asas untuk meng*takhrij* hukum mengikut mazhab al-Syafi'i. Pada akhirnya, adalah disarankan agar kajian lanjutan dan kajian mendalam ilmu *takhrij* ini dilakukan oleh para penyelidik hari ini. Hal ini kerana ilmu *takhrij* adalah penting untuk merealisasikan usaha ijtihad bagi menyelesaikan isu hukum semasa yang wujud.

RUJUKAN

- Abdulfatah Idris (2012). *Studi analisis takhrij hadis-hadis prediktif dalam kitab al-Bukhari*. Research report (Laporan penelitian). LP2M IAIN Walisongo, Semarang. (Tidak diterbitkan).
- Abdullah Bayyah (2007). *Amali al Dilalat wa Majal li al-Ikhtilafat*. Al-Riyad: Dar al-Minhaj.
- Ahmad Mokhtar 'Umar (2008). *Mu'jam al-Lughat al-'Arabiyah al-Mu'asirah*. Al-Qahirah: 'Alim al-Kutub.
- Al-Ahmadi, Muhammad (1989). *Mawsu'ah al-Fiqh al-Islami*. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Misr.
- Al-Bahusain, Ya'qub bin 'Abd al-Wahhab (1414H). *Al-Takhrij 'inda al-Fuqaha' wa al-Usuliyyin*. Al-Riyad; Maktabah Ibn Rusyd.
- Faisal Ahmad Shah & Jawiah Dakir (2009). "Kritikan ulama terhadap manhaj takhrij ulama hadith: Satu kupasan". *Al-Bayan : Journal of al-Quran and al-Hadith*, 7; 133-165.
- Faisal Ahmad Shah, Fauzi Deraman & Ishak Suliaman (ed.) (2011). *Takhrij Hadith di Nusantara: Keperluan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith.
- Al-Farfur, Waliyuddin bin Muhammad Saleh (2003). *Takhrij al Furu' 'ala al-Usul*. Dimasyq: Dar al-Farfur.
- Al-Ghamrawi, Muhammad al-Zuhri (t.th.). *Al-Siraj al-Wahhaj*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad (t.th.). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Madinah: Syarikah al-Madinah al-

Munawwarah.

- Habannakah, Abdul Rahman Hasan (2011). *Dawabit al-Ma'rifah*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Ibn Manzur (t.th.). *Lisan al-'Arab*. Kaherah : Dar al-Ma'arif.
- Ibn Najjar, Muhammad bin Ahmad (t.th.). *Syarh Kawkab al-Munir*. Saudi: Wizarah al-Awqaf al-Sa'udiyah.
- Al-Isnawi, Abdul Rahim (1981). *Al-Tamhid fi Takhrij al-Furu' ala al-Usul*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri (2010). "Hadith-Hadith Mu'amalat Maliyah dalam Kitab Jawi Terpilih: Takhrij dan Ulasan". Tesis Ph.D Usuludin, Universiti Malaya yang tidak diterbitkan.
- Mohd Nor Adzhar Ibrahim (2014). "Al-Munabbihat 'ala al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad oleh Ibn Hajar Al-Asqalani : takhrij dan analisis". Disertasi Master Universiti Malaya yang tidak diterbitkan.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf (2004). *Minhaj al-Talibin*. Bayrut: Darul al-Basya'ir al-Islamiyah.
- Qal'aji, M. R., Qunaibi, H. S. dan Sanu, K. M. (1996). *Mu'jam Lughat al-Fuqaha'*. Bayrut: Dar al-Nafa'is, 1996.
- Al-Qarafi, Ahmad bin Idris (1994). *Al-Dhakhirah*. Bayrut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Qasimi, Muhammad Jamal al-Din (2004). *Qawa'id al-Tahdis min Funun Mustalah al-Hadis*. Bayrut; Muassasah al-Risalah Nasyirun.
- Al-Qawasimi, Akram Yusuf (2003). *Al-Madkhal Ila al-Madhab al-Imam al-Syafi'i*. Jordan: Dar al-Nafa'is.
- Shihabuddin Abu al-Abbas Ahmad bin Lu'lu' (2012). *Umdah al-Salik Wa 'Uddah al-Nasik*. Al-Riyad: Dar al-Minhaj.
- Suyuti, Jalal al-Din (2006). *Al-Asybah wa al-Nazair fi Qawaid Furu' al Syafi'iyah*. Al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Tilyalani, Faisal bin Sa'id (2014). *Ilmu Takhrij al-Furu' ala al-Usul: Nazariyatan wa Tatbiqan*. Al-Qahirah: Dar Ibnu Hazm.
- Yusuf Qaradawi (1996). *Fatwa antara ketelitian dan kecerobohan*, Ahmad Nuryadi Asmawi (terj.). Selangor: Thinker's Library Sdn Bhd.